

Nasihat Mahathir kepada MCA

Jangan ikut budaya DAP

Oleh WAN HAMIDI HAMID

KUALA LUMPUR, Ahad -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan MCA jangan terikut-ikut dengan sifat perkauman DAP semata-mata mahu menunjukkan mereka lebih mengutamakan kaum Cina.

Perdana Menteri berkata, ada kalanya MCA berasa begitu terancam oleh DAP sehingga ada di kalangan anggotanya yang cuba menjadi lebih chauvinistik daripada DAP.

Menurut beliau, atrategi kerjasama di antara Umno dan MCA adalah lebih baik bagi kestabilan, keamanan dan pembangunan ekonomi negara berbanding aikap pelampau DAP atau Pas., dalam menjayakan masa depan orang Melayu dan Cina.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), MCA tidak harus takut dikesampingkan oleh orang Cina kononnya kerana tidak memperjuangkan hak mereka.

Menurutnya, kerjasama Melayu-Cina dan Umno-MCA lebih menguntungkan masyarakat Cina daripada konfrontasi kaum yang dianjurkan oleh DAP kerana orang Cina akan rugi jika mereka terpaksa menghadapi ketegangan dengan Bumiputera.

Ada kalanya MCA berasa begitu terancam oleh DAP sehingga ada orang MCA cuba menjadi lebih ekstrim daripada DAP. Mereka berpendapat dengan menunjukkan mereka mengutamakan kaum Cina lebih daripada DAP, mereka boleh mengalahkannya.

"Pendirian ini tidak secocok dengan konsep BN dan pada satu ketika hampir memecahkan pakatan Umno-MCA yang menjadi toaggak BN. Tetapi kepimpinan MCA berjaya membendung sentimen dan pendekatan ala DAP ini," katanya merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-33 di Wisma MCA di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, DAP kini lebih terancam kerana kerjasama Melayu-Cina melalui Umno-MCA lebih

berkesan dalam memberi kejayaan kepada MCA.

"Justeru itu, perjuangan DAP bagi pihak orang Cina tidak pernah berhasil. Hanya yang dapat dibuat oleh DAP ialah mengeruhkan suasana dalam negara" katanya.

Menurut Perdana Menteri, DAP juga sudah berputar 180 darjah dengan bukan saja bekerjasama dengan Semangat 46 serta berjanji menerima kepimpinan parti itu jika berjaya membentuk kerajaan, malah sanggup bekerjasama dengan Pas yang begitu ekstrim kononnya akan membentuk pemerintahan Islam ala Pas.

"Yang akan diperolehi kaum Cina jika DAP berjaya ialah hanya Ketua Menteri Pulau Pinang (Setiausaha Agung DAP) Lim Kit Siang dan bukannya (Ketua Menteri Pulau Pinang) Dr Koh Tau Koon.

"Perdana Menteri dan Menteri Besar adalah orang Melayu juga — Melayu daripada Semangat 46 atau Pas. Tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh DAP bagi orang Cina, yang tidak dapat dijayakan oleh MCA dan Gerakan," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, MCA tidak harus terikut-ikut dengan cara DAP, sebaliknya DAP yang terpaksa mengikut strategi MCA.

Bagaimanapun, menurutnya, ada pula orang Melayu yang terpicak dengan kerjasama DAP-Pas, termasuk penyokong Pas yang mengundi DAP dalam pilihanraya

menghadapi cabaran abad ke-21 adalah berusaha menghapuskan perasaan tersingkir dan kehilangan hak.

"Semua kaum akan dapat mengambil bahagian serta menikmati secara saksama hasil pembangunan dan kemajuan negara Dengan ini, tidak ada golongan yang akan merasa ketinggalan atau kehilangan hak," katanya.

Menurutnya, hasil kerjasama semua kaum serta dasar kerajaan memberi peluang kepada kaum Cina untuk meluaskan peluang pendidikan mereka, termasuk penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) yang melahirkan ramai profesional dan pekerja separuh mahir.

Katanya, kerajaan melalui RM6 memperuntukkan \$20 juta untuk pembangunan KTAR, iaitu 10 kali ganda peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (RM5).

"MCA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kefahaman dan sokongan serta sumbangan beliau untuk memajukan KTAR," katanya.

Beliau berkata, MCA juga akan memastikan dekad 1990-an akan menjadi era peningkatan taraf hidup dan status ekonomi golongan miskin, khususnya di kawasan mundur.

**PERHIMPUNAN
AGUNG
TAHUMAN
MCA KE - 38**

Kerjasama parti komponen secocok

DARI MUKA 1

umum tahun lalu sehingga menimbulkan kemungkinan **parti** itu dapat mempengaruhi **lebih ramai lagi** orang Melayu.

"Jika orang Melayu menganggap MCA terlalu **melampau**, sukar **bagi calon** MCA mendapat undi mereka. Di segi **perhitungan** politik, **sokongan** pengundi **masih berkesan** kepada **parti** bukan Melayu," **katanya**.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sokongan MCA **bersama-sama** dengan MIC dan Gerakan serta **parti komponen** Barisan Nasional (BN) kepada **Dasar** Pembangunan Nasional (DPN) adalah **secocok** dengan kerjasama kaum.

Beliau berkata, DAP **juga** tidak berani menolak **bulat-bulat** DPN kerana bimbang **penolakan** akan ditentang oleh rakannya daripada Semangat 46 dan Pas.

Perdana Menteri berkata, MCA mesti **mengekalkan** kerjasamanya dengan Umno dan **anggota Barisan** Nasional (BN) lain kerana **ia** menjadikan Malaysia stabil **di segi** politik serta mewujudkan **pertumbuhan** ekonomi yang diakui sebagai tertinggl sekali **di dunia**.

Katanya, dalam **sistem** BN masalah **diselesaikan** melalui rundingan dan bukannya **demonstrasi** atau perbahasan umum yang tegang kerana **ia** adalah **cara** terbaik yang menjadi rahsia kestabilan negara.

Setiausaha Negara **Amerika** Syarikat, James **Baker** dalam pertemuan dengan **saya baru-baru ini** bertanyakan bagaimana Kerajaan Malaysia **mengelakkan** rusuhan kaum serta membangunkan negara. **Saya memberi jawapan** ringkas kepadanya **iaitu** melalui **Barisan** Nasional," **katanya**.

Beliau turut menasihati **tkan** semua pihak supaya **gigih** berusaha menjayakan DPN, Rancangan Malaysia **Keenam** dan Wawasan 2020.